

05 MAR 2001

Mahathir-Aidil Adha

KETEPIKAN PERBEZAAN FAHAMAN POLITIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Menjelang Aidiladha esok, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini mengetepikan perbezaan fahaman politik demi menjaga keharmonian dan perpaduan sesama Islam.

Perdana Menteri berkata mereka juga perlu mengorbankan kepentingan diri dan membuktikan keinsafan dan kesyukuran dengan bersatu dan meningkatkan martabat agama serta memupuk hubungan baik dengan rakan-rakan daripada keturunan dan agama lain.

"Marilah kita bersama-sama menyempurnakan tugas dan tanggungjawab kita sebagai orang Islam yang patuh kepada ajaran Allah s.w.t dengan merapatkan barisan dan mengikat hubungan silaturahim sesama kita," katanya dalam perutusan sempena hari raya korban.

Sambil meminta umat Islam mengambil iktibar daripada ibadah korban, Dr Mahathir berkata pengajaran korban itu juga mengajar umat Islam mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t.

"Ia juga mengajar kita supaya berkorban untuk membantu yang miskin dan menginsafi nasib mereka yang lebih daif dengan melakukan kebajikan supaya yang miskin tidak terpinggir," katanya.

Perdana Menteri berkata korban juga membawa makna bahawa Islam menyeru umatnya bersatu padu dan mengelak daripada perpecahan supaya mereka sentiasa terbela dan martabat agama Islam itu sendiri terus terpelihara.

"Kita dapat lihat bagaimana perpecahan umat Islam di dunia hari ini telah mengakibatkan kita lemah dan mudah ditekan.

"Kebanyakan negara Islam tidak maju, mundur dan miskin, menyebabkan kita sukar untuk membela saudara seagama kita daripada penganiayaan musuh-musuh Islam," katanya.

Bagaimanapun, di Malaysia umat Islam masih dihormati, kata Dr Mahathir.

Walaupun negara mempunyai kaum minoriti bukan Islam yang besar, mereka sanggup menerima pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam berdasarkan perkongsian pentadbiran, katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa di Malaysia umat Islam dapat melakukan ibadah dalam keadaan aman dan sempurna, nikmat yang mungkin tidak dapat dirasakan oleh masyarakat Islam di tempat-tempat lain.

"Walaupun kita perlu bersimpati dan cuba menolong mereka setakat yang terdaya, kita juga tidak harus lupa untuk bersyukur kerana nikmat yang Allah s.w.t.kurniakan kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam di negara ini dihormati bukan kerana mereka merupakan majoriti tetapi kerana mereka merupakan masyarakat Islam yang progresif, berdisiplin, cekap dan berpengetahuan tinggi.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mengucapkan selamat Aidiladha kepada umat Islam di Malaysia.

"Marilah kita sama-sama berdoa agar jemaah haji negara di Tanah Suci dapat melakukan ibadah mereka dengan sempurna dan semoga pengalaman mereka di sana dapat kita manfaatkan untuk mempertingkatkan keimanan kita," katanya.

-- BERNAMA

NZ AZZ MAI